

08 MAY 2003

PENARAFAN-MALAYSIA/I

PENARAFAN MATA WANG ASING DAN TEMPATAN M'SIA DISAHKAN

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Standard & Poor's Ratings Services hari ini mengesahkan penarafan BBB+/A-2 bagi mata wang asing dan A+/A-1 bagi mata wang tempatan Malaysia.

Ini melambangkan keseimbangan kekukuhan kecairan luar Malaysia berbanding penurunan dalam pembiayaan kerajaan, kata Standard & Poor's dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, tinjauan terhadap penarafan jangka panjang terus kekal.

Dengan menerima sokongan kukuh lebih akuan semasa, rezab pertukaran bank pusat berkembang kepada US\$35 bilion (US\$1 = 3.8) pada akhir tahun 2002, peningkatan 12 peratus daripada US\$31 bilion setahun sebelum itu, katanya.

Hasilnya, kedudukan luaran bersih sektor awam mengukuh sedikit kepada 7.3 peratus dalam terimaan akaun semasa, dari 6.3 peratus dalam 2001.

Sebaliknya, kedudukan fiskal kerajaan terus lemah tahun lepas.

Dengan pertumbuhan dalam pelaburan swasta -- satu pemacu utama pertumbuhan di masa lalu -- kekal negatif, ekonomi telah disokong penyuntikan dana fiskal.

Hasilnya, defisit umum kerajaan mengembang kepada 5.6 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2002, naik daripada 5.0 peratus dalam 2001, menolak hutang bersih umum kerajaan kepada 36 peratus KDNK, daripada 30 peratus dalam 2001.

"Dasar fiskal dijangka kekal mengembang dalam jangka terdekat, dengan defisit kerajaan bagi 2003 kemungkinan meningkat setinggi 6.0 peratus KDNK di dalam pakej rangsangan fiskal," kata penganalisis kredit di Standard & Poor's Sovereign Ratings Group, Chih Wai Liew.

Secara politik, risiko dasar daripada pertukaran kuasa daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadualkan Okt, 2003, hanya kecil.

Abdullah dijangka mengambil dasar yang lebih mengamalkan dasar perundingan dalam tadbir urus, satu dasar yang diikuti di bawah pentadbiran Dr Mahathir yang dijangka terus kekal, kata kenyataan itu. --

BERNAMA

CL FR AHM